

Headline	TNB tukar 60peratus lampu PBT		
MediaTitle	Harian Metro	Language	Malay
Date	22 Jun 2019	Readership	338,115
Circulation	112,705	Page No	34
Section	Setempat	Journalist	N/A
ArticleSize	107 cm ²		
PR Value	RM 12,645		



Tenaga Nasional Berhad (TNB) menukar hampir 60 peratus daripada 367,000 unit lampu pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh Semenanjung Malaysia kepada lampu diod pemancar cahaya (LED) yang lebih jimat tenaga dan kos senggara serta mesra alam.

TNB dalam kenyataan berkata, 212,639 unit lampu *High Pressure Sodium Vapor* (HPSV) lama yang majoritiannya berkapasiti 150 Watt

ditukar kepada lampu LED dengan kapasiti 90 Watt sejak awal 2018 sehingga 14 Jun lalu.

“Bakinya digantikan dengan lampu LED seawal Disember tahun depan. Penukaran lampu LED ini di bawah inisiatif Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR) bagi tempoh 2018 hingga

2020.

“Ia bagi mengurangkan risiko kegagalan lampu jalan yang menggunakan HPSV daripada 15 peratus kepada kurang dari satu peratus,” katanya.

Penggantian lampu itu dianggarkan boleh menyumbang kepada penjimatan bil elektrik antara 30

dan 40 peratus serta mengurangkan perbelanjaan kos senggara.

Selain menjimatkan, lampu LED mempunyai banyak kelebihan termasuk stabil, tahan lama, kurang panas dan tiada merkuri logam yang berbahaya terhadap alam sekitar. – Bernama.

Kuala Lumpur

TNB tukar 60% lampu PBT